

## UPSR - Karangan Jenis Surat Kiriman Rasmi

No 18, Jalan Rambutan,  
46000, Petaling Jaya,  
Selangor darul Ehsan.

---

Pengarah,  
Jambatan bekalan Air Selangor,  
46000, Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

26 November 2012.

Tuan,

### **Aduan Tentang Keputusan Bekalan Air**

Merujuk perkara di atas, saya selaku wakil Penduduk Jalan Rambutan ingin membuat aduan tentang masalah keputusan air yang kini berlaku di tempat tinggal kami. Masalah keputusan air telah menimbulkan banyak kesulitan dalam kegiatan seharian para penduduk tempatan.

2. Untuk maklumkan pihak tuan, kami telah menghadapi masalah ini hampir dua minggu lamanya. Bekalan air sentiasa berhenti tanpa sebarang notis. Sekiranya adapun dalam keadaan yang tidak sempurna atau air yang disalurkan berwarna kekuningan.
3. Pelbagai masalah telah timbul akibat ketiadaan air ini. Para penduduk terutama suri rumah turut menghadapi masalah untuk memasak, membasuh pakaian dan urusan rumah tangga. Ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan para penduduk.
4. Akibat ketiadaan air selama hampir dua minggu ini, kebanyakan penduduk terpaksa makan di luar kerana tidak dapat memasak di rumah situasi ini agak membebankan kerana terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi.
5. Selain itu, bekalan air yang dihantar oleh pihak tuan tidak mencukupi untuk digunakan oleh para penduduk. Ketibaan lori-lori pengangkutan air juga tidak menepati jadual. Ini mengusahakan dan menyulitkan para penduduk.

Sekian sahaja yang dapat saya maklumkan untuk pengetahuan pihak tuan. Saya berharap semoga masalah ketiadaan air di tempat kami dapat diselesaikan dengan segera. Kerjasama daripada pihak tuan amat hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

☺☺☺

(Choo Siew Chen)

Wakil Penduduk,  
Jalan Rambutan,  
Petaling Jaya.